


SULIT

 SIRIM QAS INTERNATIONAL	<p align="center">SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. JABATAN PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN Blok 4, Kompleks SIRIM, No. 1, Persiaran Dato' Menteri Seksyen 2, 40700 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan</p> <p align="center">SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN</p>	<p>No. Fail : 20190602821</p>																
<p>ORGANISASI : UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA</p>																		
<p>ALAMAT LOKASI UTAMA YANG DIAUDIT (Untuk pensijilan berkelompok, senarai lokasi tambahan adalah seperti dilampiran - Lampiran 2 dan Lampiran 3):</p> <p>43400 SERDANG SELANGOR DARUL EHSAN MALAYSIA</p>																		
<p>NOMBOR PENSIJILAN : ISMS 00150</p>		<p>STANDARD : ISO/IEC 27001:2013</p>																
<p>TARIKH AUDIT : 30 Nov, 7 – 10 Dis. 2020 /_5_hari auditor</p>		<p>TARIKH AUDIT YANG LEPAS : 1 Sept., 7 - 9 Okt. 2019</p>																
<p>SKOP PENSIJILAN :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU PRASISWAZAH MERANGKUMI AKTIVITI SEMAKAN TAWARAN HINGGA PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN. 2) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI PROSES PENILAIAN PENGAJARAN PRASISWAZAH DI FAKULTI. 																		
<p>PASUKAN AUDIT :</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30%;">1)</td> <td style="width: 40%;">Nur Aisyah Mohd Zamri</td> <td style="width: 10%;">Ketua Juruaudit</td> <td style="width: 20%;">5 hari audit</td> </tr> <tr> <td>2)</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>3)</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>4)</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </table>			1)	Nur Aisyah Mohd Zamri	Ketua Juruaudit	5 hari audit	2)				3)				4)			
1)	Nur Aisyah Mohd Zamri	Ketua Juruaudit	5 hari audit															
2)																		
3)																		
4)																		
<p>BILANGAN KAKITANGAN (yang berkaitan dengan skop pensijilan): 3, 922 kakitangan (Nota: Kakitangan tetap dan sementara tidak termasuk bilangan kakitangan di Lampiran 2 dan Lampiran 3)</p>																		
<p>Laporan oleh Ketua Pasukan Audit</p> <p>Nama : NUR AISYAH MOHD ZAMRI</p> <p>Tandatangan : </p> <p>Tarikh : 10 DISEMBER 2020</p>		<p>Pengesahan daripada Wakil Organisasi</p> <p>Nama : PROF DR. AMIN ISMAIL</p> <p>Tandatangan : </p> <p>Tarikh : 10 DISEMBER 2020</p>																
<p>Rancangan Audit dan lampiran berikut adalah sebahagian daripada laporan ini :</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">Laporan Ketakakuran (NCR)</td> <td style="width: 50%; text-align: center;"><input type="checkbox"/> NA</td> </tr> <tr> <td>Peluang Penambahbaikan (OFI)</td> <td style="text-align: center;"><input checked="" type="checkbox"/> ✓</td> </tr> <tr> <td>Senarai Lokasi Tambahan</td> <td style="text-align: center;"><input checked="" type="checkbox"/> ✓</td> </tr> <tr> <td>Senarai Lokasi Fungsi Sokongan</td> <td style="text-align: center;"><input checked="" type="checkbox"/> ✓</td> </tr> <tr> <td>Tandakan (✓) yang berkenaan</td> <td></td> </tr> </table>		Laporan Ketakakuran (NCR)	<input type="checkbox"/> NA	Peluang Penambahbaikan (OFI)	<input checked="" type="checkbox"/> ✓	Senarai Lokasi Tambahan	<input checked="" type="checkbox"/> ✓	Senarai Lokasi Fungsi Sokongan	<input checked="" type="checkbox"/> ✓	Tandakan (✓) yang berkenaan		<p>Laporan disemak oleh :</p> <p align="center">(Juruaudit Kanan/ Ketua Seksyen)</p> <p align="right">Tarikh</p>						
Laporan Ketakakuran (NCR)	<input type="checkbox"/> NA																	
Peluang Penambahbaikan (OFI)	<input checked="" type="checkbox"/> ✓																	
Senarai Lokasi Tambahan	<input checked="" type="checkbox"/> ✓																	
Senarai Lokasi Fungsi Sokongan	<input checked="" type="checkbox"/> ✓																	
Tandakan (✓) yang berkenaan																		

LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN

1. PERUBAHAN KETARA YANG DIBUAT KEPADA RANCANGAN AUDIT (JIKA BERKENAAN)

Tiada perubahan ketara yang dibuat terhadap rancangan audit.

2. PINDAAN KETARA KEPADA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT ORGANISASI SEJAK AUDIT SEBELUMNYA (JIKA BERKAITAN)

Antara pindaan yang telah dilaksanakan kepada sistem pengurusan keselamatan maklumat organisasi adalah:

- I) Perlantikan baharu beberapa Jawatankuasa Pengurusan Universtiti, termasuk Naib Canselor UPM iaitu Prof. Dr. Mohd. Roslan b. Sulaiman berkuatkuasa 1 September 2020.
- II) Pelaksanaan semakan kajian semula pengurusan digabungkan bersama-sama Sistem Pengurusan Kualiti (QMS).
- III) Semakan dan pindaan ke atas objektif ISMS bagi tahun 2020 dan dokumen-dokumen berkaitan ISMS.
- IV) Pelaksanaan audit dalaman secara *decentralize audit*, yang mana penjadualan audit dalaman diuruskan oleh PTJ masing-masing.

3. NO. SEMAKAN PENYATAAN PEMAKAIAN (SOA) : BERTARIKH 29 JULAI 2020.

4. RINGKASAN KEBERKESANAN TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL KE ATAS KETAKAKURAN YANG DIKELUARKAN PADA AUDIT TERDAHULU (Senaraikan perincian laporan ketakakuran dan status di Lampiran 1)

Satu (1) laporan ketakakuran yang dikeluarkan pada audit terdahulu. Ke semua tindakan bagi laporan ketakakuran dan peluang penambahbaikan telah disemak dan ditutup sepenuhnya.

5. PENGGUNAAN LOGO PENSIJILAN / AKREDITASI & DOKUMEN PENSIJILAN (SIJIL)

Tidak digunakan

Digunakan; tidak diterima

Digunakan; diterima

Tindakan yang diperlukan:

6. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT

6.1 Keberkesanan audit dalaman

Pelaksanaan audit dalaman ISMS dapat dirumuskan seperti berikut:

- Audit dalaman ISMS telah dilaksanakan dalam tempoh Mac sehingga Ogos 2020 oleh enam belas (16) ketua juruaudit dalaman (KJAD) dan beberapa juruaudit dalaman yang telah dilantik.
- Kaedoah pengauditan adalah secara *decentralize audit*, yang mana penjadualan audit dalaman ditentukan dan diuruskan oleh PTJ masing-masing.
- Liputan audit adalah menyeluruh. Kesemua dua puluh tujuh (27) PTJ telah diaudit mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak PTJ sendiri.
- Sebanyak tiga belas (13) Laporan Ketakakuran (NCR) dan dua puluh enam (26) Laporang Penambahbaikan (OFL) direkodkan bagi sesi pengauditan kali ini.
- Pengendalian penemuan-penemuan audit dalaman ini adalah baik.

Secara keseluruhan, pelaksanaan audit dalaman dan penyelenggaraan rekod-rekod audit dalam ISMS adalah baik.

LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN

6.2 Kajian semula pengurusan

Pelaksanaan kajian semula pengurusan dan dirumuskan seperti berikut:

- Bagi tahun 2020, pengurusan atasan Upm telah menyemak tahap pelaksanaan dan pencapaian bagi sistem pengurusan kualiti (QMS) dan sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISMS) melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP). Yang terkini, ianya telah dilaksanakan pada 17 November 2020 yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd. Roslan Sulaiman dan dihadiri oleh wakil-wakil PTJ yang terlibat.
- Hasil perbincangan direkodkan di dalam minit mesyuarat serta disokong oleh slaid perbentangan yang berkaitan.

Secara keseluruhan, pelaksanaan kajian semula pengurusan adalah baik. Semua agenda telah dibincangkan dan dirumuskan di dalam mesyuarat bersama pihak atasan adalah memenuhi keperluan standard ISMS.

6.3 Penaksiran risiko keselamatan maklumat

Penaksiran risiko keselamatan maklumat dapat dirumuskan seperti di bawah:

- Metodologi Pengurusan Risiko telah disediakan melalui dokumen *Risk Assessment and Risk Treatment Plan Guideline* bagi memastikan pentaksiran risiko keselamatan maklumat menghasilkan keputusan yang konsisten, sah dan dapat dibandingkan.
- Laporan pentaksiran risiko terkini telah dikeluarkan dan diluluskan oleh pihak pengurusan pada 29 Julai 2020 bagi proses-proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa (UPM Serdang), Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa (UPM Kampus Bintulu), Penilaian Pengajaran Prasiswa di Fakulti, dan Pusat Data (IDEC).
- Hasil daripada pentaksiran risiko terkini, terdapat satu (1) pelan penguraian risiko yang di bawa daripada pentaksiran sebelumnya iaitu berkaitan pembangunan pusat data baru.

Secara keseluruhannya, perlaksanaan proses penaksiran risiko serta pemantauan terhadap pelan penguraian adalah memenuhi keperluan standard. Namun, risiko berkaitan isu pandemik dan limitasi sistem yang wujud di UPM boleh diambil kira bagi memastikan kawalan bagi risiko berkenaan dapat dilakukan dengan baik. Rujuk Laporan Peluang Penambahbaikan.

6.4 Kawalan keselamatan maklumat secara keseluruhan

Pelaksanaan kawalan keselamatan maklumat di UPM dapat dirangkumkan seperti di bawah:

- Merujuk kepada Penyataan Pemakaian (SOA) yang bertarikh 29 Julai 2020, didapati tiada pengecualian terhadap 114 kawalan keselamatan sepertimana yang dinyatakan di dalam keperluan standard Annex A.
- Empat (4) ISMS objektif telah dibuat pengukuran dan dibentangkan semasa kajian semula pengurusan. Namun, semakan dan pindaan terhadap objektif-objektif ini juga telah dibuat selaras mengikut kesesuaian pada masa kini. Satu (1) objektif berkaitan pendaftaran bakal pelajar UPM yang sah sahaja mendaftar telah digugurkan kerana telah mencapai sasaran selama empat (4) tahun. Ini menjadikan hanya tiga (3) objektif ISMS yang perlu diukur berkuatkuasa Januari 2020.
- Pengendalian insiden keselamatan dan perlaksanaan pengujian pemulihan bencana juga baik.

Secara keseluruhannya, kawalan keselamatan yang dilaksanakan dapat mengurangkan risiko keselamatan bagi bagi proses pendaftaran baharu prasiswa merangkumi aktiviti semakan tawaran hingga pendaftaran kolej kediaman, proses penilaian pengajaran serta pengoperasian pusat data. Walau bagaimanapun, terdapat satu laporan peluang penambahbaikan dikeluarkan berkenaan pengurusan perubahan yang perlu diperkemaskin lagi perlaksanaannya.

6.5 Penambahbaikan berterusan

Inisiatif-inisiatif yang dibuat bagi memastikan penambahbaikan berterusan dapat dilihat berdasarkan hasil penilaian risiko yang dibuat, maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan, tindakan yang dilaksanakan terhadap penemuan audit dalaman dan penemuan audit SIRIM yang lepas, serta hasil perbincangan semasa mesyuarat yang berkaitan. Kesedaran berkenaan kawalan keselamatan ICT juga turut dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan warga UPM mematuhi dasar dan prosedur yang telah ditetapkan.

LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN

6.6 Perbandingan berguna dengan keputusan audit yang lepas

Tiada laporan ketakakuran kecil dikeluarkan. Namun, dua (2) laporan peluang penambahbaikan semasa audit kali ini. Tiada penemuan berulang dilaporkan.

7. LAPORAN KETAKAKURAN (NCR)

Jumlah Ketakakuran Kecil (minor NCR) : - Senarai : -

Jumlah Ketakakuran Besar (major NCR) : - Senarai : -

Kumpulan ketakakuran kecil yang membawa kepada ketakakuran besar : -

8. ISU-ISU YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN, JIKA BERKENAAN

Tiada isu – isu yang tidak dapat diselesaikan.

9. ISU-ISU PENTING YANG MUNGKIN MEMBERI KESAN KEPADA PROGRAM AUDIT

Tiada isu yang mungkin memberi kesan kepada program audit.

10. KESIMPULAN KEPADA KEPATUHAN DAN KEBERKESANAN SISTEM

Pemerhatian positif:

Secara keseluruhannya, diperhatikan, kesedaran dan pengetahuan am berkaitan keselamatan maklumat oleh PTJ-PTJ di bawah skop pensijilan ISMS bertambah baik. Pelaksanaan kawalan keselamatan di peringkat PTJ dilihat bertambah baik dan konsisten.

Walaupun keadaan semasa yang dilanda penularan wabak Covid-19, dan pengauditan dijalankan secara atas talian, namun komitmen dalam pelaksanaan ISMS daripada pihak pengurusan tertinggi Universiti sehiangga ke PTJ berkaitan adalah baik dan berterusan. Kefahaman dan pelaksanaan dapat dilihat melalui rekod-rekod yang disemak serta kesungguhan anggota kerja di semua peringkat. Koordinasi dan amalan bekerja secara berkumpulan dilihat berjaya memantapkan lagi pelaksanaan ISMS. Penglibatan daripada fungsi sokongan juga dilihat sangat memuaskan.

Bagi mengukuhkan lagi ISMS yang sedia ada, penambahbaikan yang direkodkan didalam Laporan Peluang Penambahbaikan perlulah disemak dan mengambil tindakan yang sesuai agar dapat memperkemaskan lagi pelaksanaan ISMS di Universiti Putra Malaysia.

11. KESESUAIAN SKOP PENSIJILAN

Ya

Tidak (sila komen) :

12. ADAKAH KESEMUA OBJEKTIF AUDIT TELAH DIPENUHI?

Ya

Tidak (sila komen) :

LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN

13. PENGESYORAN :



Tiada Laporan Ketakakuran. Disyorkan untuk diteruskan pensijilan *dengan/ tanpa pindaan.



Laporan Ketakakuran Kecil direkodkan. Disyorkan untuk diteruskan pensijilan *dengan/ tanpa pindaan setelah Laporan Ketakakuran ditutup dengan memuaskan.



Laporan Ketakakuran Besar direkodkan. Pengesyoran untuk diteruskan pensijilan *dengan/ tanpa pindaan hanya akan dibuat setelah :



Audit di lokasi terhadap keperluan berikut termasuk verifikasi terhadap tindakan pembetulan :



Verifikasi terhadap tindakan pembetulan di luar lokasi audit. Bukti pelaksanaan tindakan pembetulan hendaklah dikemukakan untuk verifikasi.

* Jenis pindaan :
(sekiranya berkaitan) (tidak berkaitan)



Penggantungan pensijilan. Audit semula perlu dijalankan sebelum pengesyoran untuk menarik penggantungan yang telah dibuat.



Penarikan balik pensijilan.

Nota : a) Pelan tindakan pembetulan untuk kesemua ketakakuran yang dikeluarkan hendaklah dihantar kepada Ketua Pasukan Audit dalam tempoh 1 bulan dan bukti pelaksanaan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh laporan ini. Kegagalan mematuhi kehendak ini boleh menyebabkan pensijilan digantung atau ditarikbalik.
b) Jika terdapat sebarang isu yang tidak dapat diselesaikan pada akhir audit, ia akan dibawa kepada perhatian pengurusan SIRIM QAS Intl untuk diputuskan. Pelanggan akan diberitahu secara bertulis keputusan itu dalam tempoh dua minggu dari tarikh laporan ini.
c) Jika bukti tindakan pembetulan yang dikemukakan tidak mencukupi, SIRIM QAS Intl berhak untuk menjalankan semula audit bagi mengesahkan keberkesanan tindakan pembetulan yang telah diambil.

SUSULAN TERHADAP KETAKAKURAN YANG DIKELUARKAN

Adalah disahkan kesemua tindakan pembetulan yang diambil adalah memuaskan. Disyorkan untuk diteruskan pensijilan.

Ketua Pasukan Audit :

Nur Aisyah Mohd Zamri

(Nama)




10 Dis. 2020

(Tandatangan)

(Tarikh)

LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN												
(RINGKASAN MENGIKUT FUNGSI/ PROSES/ LOKASI PROJEK)												
ISO/ IEC 27001:2013		KEPERLUAN YANG DIAUDIT	FUNGSI/ PROSES/ LOKASI PROJEK									
			Urusetia / Pusat Jaminan Kualiti	Pusat Pembangunan Maklumat & Komunikasi - IDEC	Pusat Pembangunan Akademik	Bhgn Hal Ehwal Pelajar	Pusat Strategi Korporat & Komunikasi	Fakulti Perubatan Veterinar	Fakulti Pengajian Pendidikan	Kolej 17	Kolej Pendeta Za'ba	LAPORAN KETAKAKURAN
4	Konteks organisasi											0
4.1	Memahami organisasi dan konteksnya	/	/									0
4.2	Memahami keperluan dan jangkaan pihak yang berkepentingan	/	/									0
4.3	Menentukan skop sistem pengurusan keselamatan maklumat	/	/									0
4.4	Sistem pengurusan keselamatan maklumat	/	/									0
5	Kepimpinan											0
5.1	Kepimpinan dan komitmen	/	/									0
5.2	Dasar keselamatan	/	/									0
5.3	Peranan, tanggungjawab dan bidang kuasa organisasi	/	/									0
6	Perancangan											0
6.1	Tindakan menyatakan risiko dan peluang	/	/	/	/	/	/	/	/	/		0
6.2	Objektif keselamatan dan perancangan untuk mencapainya	/	/	/	/	/	/	/	/	/		0
7	Sokongan											0
7.1	Sumber	/	/									0
7.2	Kekompetenan	/	/									0
7.3	Kesedaran	/	/	/	/	/	/	/	/	/		0
7.4	Komunikasi	/	/	/	/	/	/	/	/	/		0
7.5	Maklumat didokumentasikan	/	/	/	/	/	/	/	/	/		0
8	Operasi											0
8.1	Perancangan dan kawalan operasi	/	/	/	/	/	/	/	/	/		0
8.2	Penilaian risiko	/	/	/	/	/	/	/	/	/		0
8.3	Pemulihan risiko	/	/	/	/	/	/	/	/	/		0
9	Penilaian prestasi											0
9.1	Pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian	/	/									0
9.2	Audit dalaman	/	/									0
9.3	Kajian semula pengurusan	/	/									0
10	Penambahbaikan											0
10.1	Ketakakuran dan tindakan pembetulan	/	/	/	/	/	/	/	/	/		0
10.2	Penambahbaikan berterusan	/	/	/	/	/	/	/	/	/		0
Lain-lain keperluan pensijilan												
1.	Penggunaan logo pensijilan/ sijil	/	/									0
Jumlah ketakakuran		0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

Nota :

- a) Tandakan (✓) di kotak yang berkenaan untuk keperluan standard yang telah diaudit dan memuaskan dan tandakan "TB" sekiranya keperluan standard tidak berkaitan.
- b) Sekiranya ada ketakakuran dikeluarkan, gantikan dengan jumlah ketakakuran (contoh: jika satu ketakakuran dikeluarkan semasa audit dijalankan, sila tandakan (1)).

VERIFIKASI KE ATAS LAPORAN KETAKAKURAN YANG DIKELUARKAN PADA AUDIT TERDAHULU

No. Fail : 20190602821

Nota :

Jika tindakan pembetulan tidak dilaksanakan dengan berkesan, Laporan Ketakakuran baru akan dikeluarkan semula dan rekodkan di ruangan “Ulasan”.

Nama Juruaudit: Nur Aisyah Mohd Zamri

Tarikh : 10 Disember 2020

SENARAI LOKASI KEKAL TERMASUK LOKASI UTAMA					
No. Fail : 20190602821					
No.	Alamat Lokasi	Tarikh Audit	Skop (sekiranya berbeza daripada lokasi utama)	Bilangan kakitangan	Diaudit/ Tidak diaudit
1	Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang, Selangor.	30 Nov., 7 – 10 Dis. 2020.	1. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baru Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran Hingga Pendaftaran Kolej Kediaman. 2. Sistem Pengurusan Keselamatan Bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.	3,922	Diaudit
2.	Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak Jalan Nyabau, 97008 Bintulu, Sarawak.	-	1. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baru Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran Hingga Pendaftaran Kolej Kediaman. 2. Sistem Pengurusan Keselamatan Bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.	152	Tidak diaudit

SENARAI LOKASI FUNGSI SOKONGAN					
No. Fail : 20190602821					
No.	Alamat Lokasi	Tarikh Audit	Aktiviti	Bilangan kakitangan	Diaudit/ Tidak diaudit
1.	Universiti Putra Malaysia Bahagian Media Arkib dan Pemuliharaan Perpustakaan UPM, 43400 Serdang, Selangor	9 Dis. 2020	Pusat simpanan media backup	0	Diaudit
2.	Universiti Putra Malaysia Beta Data Centre, 43400 Serdang, Selangor.	8 Dis. 2020	Pusat Data	0	Diaudit
3.	Universiti Putra Malaysia Epsilon Data Recovery Centre, 43400 Serdang, Selangor.	-	Pusat Pemulihan Bencana (DRC)	0	Tidak diaudit

Client :

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

File Ref :

20190602821



OPPORTUNITIES FOR IMPROVEMENT

Clause	Details	Comments on action taken
8.1	<p>Perancangan dan kawalan operasi</p> <p>A.12.1.2 Pengurusan perubahan</p> <p>Pengurusan perubahan, terutama perubahan besar yang dilaksanakan di IDEC boleh diperkemaskan lagi agar jejak perubahan dapat dilakukan dengan mudah dan berkesan. Perancangan perubahan boleh diperjelaskan dan direkodkan dengan lebih teratur.</p>	
8.2	<p>Pentaksiran risiko keselamatan maklumat</p> <p>Semakan pentaksiran risiko dan pelan penguraian risiko (RTP) telah dilaksanakan dan dikemas kini secara keseluruhan mengikut skop pensijilan. Namun, risiko-risiko berkaitan limitasi sistem, dan isu-isu pandemik terutamanya yang melibatkan kawalan penggunaan dan akses VPN boleh diambil kira bagi memastikan ianya dapat dikawal mengikut kawalan-kawalan sedia ada, ataupun memerlukan kawalan tambahan.</p>	

Auditor : Nur Aisyah bt Mohd Zamri

Date : 10-Dec-2020